

34 9/12/2019 M/S 37

Penunggang basikal selamatkan anak penyu tersangkut pada pukat

DUNGUN - Tindakan pantas sekumpulan penunggang basikal berjaya menyelamatkan seekor anak penyu yang tersangkut pada pukat dan dihanyutkan di Pantai Batu Pelanduk, Kuala Dungun di sini Jumaat lalu.

Tengku Shaiful Anuar Tengku Mohd Arif, 48, daripada Abih Reng Cycling Team berkata, kejadian menimpa anak penyu itu disedari seorang ahli kumpulan berkenaan ketika sedang mengambil gambar sebaik tiba di lokasi itu.

"Kebetulan pula tengah sibuk rakam swafoto di pantai itu dia ternampak seekor anak penyu tersangkut pada pukat hanyut.

"Tanpa melengahkan masa kami bersama-sama cuba meleraikan tali pukat daripada terus menjerut anak penyu itu," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Tengku Shaiful Anuar yang merupakan ketua kumpulan berbasikal itu berkata, mereka mengam-



FOTO: ABIH RENG CYCLING TEAM

Penunggang basikal berusaha menyelamatkan penyu karah yang tersangkut pada tali pukat di Pantai Batu Pelanduk, Kuala Dungun Jumaat lalu.

bil masa 10 minit untuk melepaskan anak penyu itu daripada pukat berkenaan.

Menurutnya, anak penyu dipercayai daripada spesies karah yang terdampar bersama pukat itu kelihatan lemah selepas berjaya dilepaskan.

"Tidak dapat dipastikan sudah berapa lama penyu itu tersangkut pada tali pukat.

"Apa yang pasti memang penyu ini amat bernasib baik kerana berjaya diselamatkan dan tali yang menjerut keseluruhan badannya tidak begitu kuat," katanya.

Katanya, penyu itu berjaya berenang ke laut walaupun pada mulanya pergerakannya kelihatan agak terhad.